PP

lwn.

GURDIAL SINGH GET SINGH

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
VT SINGHAM H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45-19-2001]
28 JANUARI 2005

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Memperedarkan dadah berbahaya - Pemilikan - Sama ada anggapan statutori boleh dibangkitkan - Sama ada keterangan pendakwaan cukup untuk membuat inferen terhadap tertuduh - Sama ada pendakwaan berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap tertuduh*

Dalam kes ini, tertuduh telah dituduh memperedarkan dadah berbahaya iaitu "cannabis" seberat 961 gram, dan dengan demikian, telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama. Satu pasukan serbuan polis, setelah menerima maklumat, telah menahan tertuduh dan isterinya ('SP9') ketika mereka sedang menunggang sebuah motosikal, dan membuat pemeriksaan ke atas motosikal tersebut. Pihak polis telah menjumpai, di dalam raga motosikal tersebut, satu plastik hitam ('barang kes') yang mengandungi satu ketulan mampat disyaki ganja; mereka seterusnya menangkap tertuduh dan SP9. SP9 telah kemukakan keterangan bahawa barang kes bukanlah kepunyaan tertuduh dan seterusnya tidak dimiliki oleh tertuduh. Isu yang perlu diselesaikan ialah sama ada pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa tertuduh melakukan kesalahan tersebut.

Diputuskan (bagi pihak tertuduh):

[1] Di atas kesuluruhan kes, anggapan statutori seperti di bawah s. 37(d), (g) dan (h) Akta tidak dapat dibangkitkan terhadap tertuduh di atas fakta dan keadaan kes ini, dan ini juga diakui oleh timbalan pendakwa raya. Tidak ada keterangan secara terus mengenai milikan barang kes terhadap tertuduh, dan keterangan ikut keadaan yang diharap oleh pendakwaan untuk membuktikan pertuduhan terhadap tertuduh tidak mencukupi untuk mengaitkan tertuduh dengan barang kes yang didapati daripada raga motosikal dari segi undang-undang. Tidak ada keterangan untuk mengaitkan tertuduh sebagai pemilik berdaftar motosikal tersebut kerana senarai butir

motosikal tersebut tidak mematuhi kehendak di bawah s. 90A, khususnya sub-seksyen 2 Akta Keterangan 1950. Oleh itu, senarai butir-butir motosikal tersebut yang ditandakan sebagai eksibit pendakwaan tidak diambil kira sebagai keterangan dan diketepikan daripada rekod mahkamah. (ms 277 c-e & 278 e-f)

[2] Keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan melalui SP9 telah menghancurkan kes pendakwaan dan telah menimbulkan keraguan dalam peringkat kes pendakwaan, iaitu, sama ada barang kes itu dimiliki oleh tertuduh atau seorang bernama Muthu yang meminjam motosikal tersebut pada awal pagi pada tarikh kejadian. Kemungkinan barang kes itu kepunyaan Muthu tidak dielakkan oleh pendakwaan. Walaupun keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan mungkin boleh menimbulkan satu syak wasangka tetapi keraguan manfaat harus dan masih diberi kepada tertuduh. Mahkamah ini juga berpendapat bahawa keterangan SP9 adalah keterangan yang boleh diterima dari segi undang-undang mahupun beliau adalah isteri kepada tertuduh. Dalam kes ini, mahkamah ini telah meneliti setiap situasi ikut keadaan yang material di mana boleh membantu mahkamah untuk membuat keputusan tetapi mahkamah ini berpendapat bahawa keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan tidak mencukupi untuk membuat sebarang inferen terhadap tertuduh. (ms 278 h, 279 f, 280 d & 287 f)

[3] Di atas dan berdasarkan kesuluruhan keterangan, mahkamah ini mandapati bahawa pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh seperti pertuduhan atau sebarang kesalahan jenayah. Oleh itu, tertuduh dilepas dan dibebaskan tanpa memerintah untuk membela diri. (ms 288 b)

[Diperintah sedemikian.]

Kes-kes yang dirujuk:

A Jayaraman & Anor lwn. State of Andh Pradesh AIR [1995] SC 2128 ***(diikuti)***
Abdullah Yaacob lwn. PP [1991] 2 MLJ 237 ***(diikuti)***
Amathayaramal lwn. The Official Assignee High Court Madras [1933] 1C 629 ***(dirujuk)***
Balasingham v. PP [1959] MLJ 193 ***(diikuti)***
Barati v. State of UP AIR [1974] SC 839 ***(dirujuk)***
Barindra v. R AIR [1952] SC 354 ***(dirujuk)***
Chai Kor v. PP [1965] 1 MLJ 208 FC ***(dirujuk)***
Chan Chween Kong v. PP [1962] MLJ 307 ***(diikuti)***
Chandanal & Anor v. State of Jasthan AIR [1976] SC 919 ***(dirujuk)***
Chang Kim Siong v. PP [1968] 1 MLJ 36 ***(diikuti)***
Dahyabhai v. R. [1964] All ER 1563 SC ***(dirujuk)***
Dalsigar v. State of UP Cri Appeal No 2579 of (1979) ***(dirujuk)***

Dato' Mokhtar Hashim v. PP [1983] 2 MLJ 232 ***(diikuti)***
David Cook Imrie 12 Cr App R. 282 ***(dirujuk)***
Gambhir v. State of Malarashtra AIR [1982] SC 1159 ***(dirujuk)***
Gengadhar Behera v. State of Orisa [2003] Cri LJ 41 ***(dirujuk)***
Ghouse Hj Kader Mustan v. R [1946] MLJ 36 ***(dirujuk)***
Gimbu Sangkaling v. R [1958] SCR 114 ***(dirujuk)***
Gnanasegaran Pararajasingam v. PP [1997] 4 CLJ 6 CA ***(diikuti)***
Ibrahim Awang Mat v. Ibrahim Dollah [1987] 2 CLJ 188; [1988] 1 CLJ (Rep) 587 HC ***(diikuti)***
Idris v. PP [1960] MLJ 296 ***(diikuti)***
Jayaraman & Ors v. PP [1982] 2 MLJ 306 ***(diikuti)***
Jubri v. PP [1962] MLJ 34 ***(diikuti)***
Juraimi Husin v. PP; Mohd Affandi Abdul Rahman & Anor v. PP [1998] 2 CLJ 383 ***(diikuti)***
Kamis v. PP [1975] 1 MLJ 46 ***(diikuti)***
Kartar Singh & Anor v. Rex [1952] MLJ 85 ***(diikuti)***
Khoon Chye Hin v. PP [1961] MLJ 105 ***(diikuti)***
Kiran Bahadur Singh v. Harikrishnan Mathur & Ors AIR [1972] All 369 ***(dirujuk)***
Kuran Singh v. PP [1967] 1 MLJ 25 ***(dirujuk)***
Leow Nghe Lian v. Reg [1956] MLJ 28 ***(dirujuk)***
Liow Siow Long v. PP [1970] 1 MLJ 40 ***(diikuti)***
Lim Lye Hock v. PP [1995] 1 SLR 238 ***(dirujuk)***
Macnagten v. Mahabir ILR 9 Cal 656 ***(dirujuk)***
Mc Rellan v. Bowyer [1961] 106 CCR 95 ***(dirujuk)***
Md v. Mandir ILR 34 Allahbad 591 ***(diikuti)***
Muniandy & Anor v. PP [1973] 1 MLJ 179 ***(diikuti)***
Namasiyiam Rajindran, Goh Chin Peng, Ng Ah Kiat v. PP [1987] 2 MLJ 336 ***(dirujuk)***
Ng Hoong Kee v. PP [1967] 1 MLJ 85 ***(diikuti)***
Palldas Arumugam v. PP [1988] 1 CLJ 661; [1988] 2 CLJ (Rep) 95 HC ***(dirujuk)***
PA Anselam v. PP [1941] MLJ 157 ***(diikuti)***
PP v. Abdul Majid [1994] 3 MLJ 457 ***(diikuti)***
PP v. Chow Kam Meng [2001] 7 CLJ 387 HC ***(diikuti)***
PP v. Foong Chee Cheong [1970] 1 MLJ 97 ***(diikuti)***
PP v. Govindan Kurup & Ors [1947] 13 MLJ 150 ***(diikuti)***
PP v. Hanafi Mat Hassan [2003] 6 CLJ 459 HC ***(dirujuk)***
PP v. Kan Jot Huat [1988] 2 MLJ 91 ***(diikuti)***
PP v. Lai Pong Yuen & Ors [1968] 1 MLJ 12 ***(diikuti)***
PP v. Lechumanan [2000] 4 CLJ 685 HC ***(diikuti)***
PP v. Lin Lian Chen [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ (Rep) 285 SC ***(diikuti)***
PP v. Loh Keng Chor [1967] 1 MLJ 97 ***(diikuti)***
PP v. Ong Cheng Heong [1998] 4 CLJ 209 HC ***(diikuti)***
PP v. Tan Chye Joo & Anor [1989] 2 MLJ 253 ***(diikuti)***
PP v. Tan Tuan Seng [1993] 2 CLJ 557 HC ***(diikuti)***

Prafulla v. R 58 C 1404 ***(dirujuk)***
R v. Golders [1960] 1 WLR 1169 ***(dirujuk)***
R v. Huchison [1990] 53 SASR 589 ***(dirujuk)***
R v. Pestano & Ors [1981] Crim LR 399 ***(dirujuk)***
R v. Lapworth [1931] 1 KB 117 ***(dirujuk)***
R v. Pitt [1982] 3 All ER 63 ***(dirujuk)***
R v. Shephard [1993] 2 WLR 102 ***(diikuti)***
R v. Souleyman [1996] 40 NSWLR 712 ***(dirujuk)***
R v. Thomas [1985] Crim LR 445 ***(dirujuk)***
Ram Avtar v. The State (Delhi Administration) AIR [1985] SC ***(dirujuk)***
Re Venketa Sukha ILR 54 Mad 32 ***(dirujuk)***
S Lourdenadin v. M Ratnarele [1986] 1 CLJ 228; [1986] CLJ (Rep) 481 HC ***(dirujuk)***
Schmidt Scientific Sdn Bhd v. Ong Han Suan [1997] 1 CLJ 685 HC ***(dirujuk)***
Seneviratne v. R [1936] 3 All ER 36 ***(diikuti)***
State of Harganav Ved Prakash Air [1994] SC 468 ***(dirujuk)***
State of Kerala v. MM Mathew & Anor AIR [1978] SC 1591 ***(dirujuk)***
State of Punjab v. Wasan Singh [1981] Cr LR 410 ***(dirujuk)***
Surinder Pal Jain v. Delhi Administration AIR [1993] SC 1723 ***(dirujuk)***
Swaran Singh v. State of Punjab AIR [1976] SC 2304 ***(dirujuk)***
Syed Ali Syed Abdul Hamid & Anor v. PP [1982] 1 MLJ 132 ***(diikuti)***
Tong Peng Hong v. PP [1955] MLJ 232 ***(diikuti)***
Yuen Chin Yii v. PP [1997] 3 SCR 59 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, s. 37(d), (g), (h), 39B(1)(a), (2)
Evidence Act 1950, ss. 90A, 114(g), 118, 120(2), 122, 154, 155(c)

Bagi pihak tertuduh - Gurbachan Singh; T/n Bachan & Kartar
Bagi pihak pendakwa raya - Siti Badariah Mohd Yusof TPR

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

PENGHAKIMAN

VT Singham H:
Dalam kes ini pertuduhan terhadap tertuduh adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 29 Ogos 2000, lebih kurang jam 8.10 malam di tepi Jalan Besar Bercham, Ipoh di dalam Daerah Kinta di dalam Negeri Perak, bagi pihak kamu sendiri telah memperedarkan dadah berbahaya, iaitu Cannabis seberat 961 gram. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya, 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

Untuk membuktikan pertuduhan, pendakwaan telah memanggil 10 orang saksi, iaitu, seorang Penjaga Stor (SP1), dua orang Jurugambar (SP2 dan SP3), seorang Ahli Kimia (SP4), seorang Ketua Serbuan (SP5) dan dua orang pegawai yang lain dalam pasukan serbuan, iaitu seorang Inspektor (SP7) dan seorang Lans Koperal (SP8), seorang Penyelia Stor Barang Kes (SP6), seorang saksi awam (SP9) dan Pegawai Penyiasat (SP10).

Melalui pembukaan kes, Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana diantara perkara yang lain menyatakan bahawa pendakwaan akan membuktikan pertuduhan melalui cara fakta dan undang-undang, bahawa semasa tertuduh ditangkap, pendakwaan akan mengemukakan keterangan bahawa tertuduh didapati dalam milikan cannabis 916 gram secara physical possession.

Dalam kes ini secara ringkas fakta-fakta yang didapati dari kes ini adalah seperti berikut:

Pada 29.8.2000 jam lebih kurang 6.40 petang diatas maklumat ASP Umar Ali Saifudin (SP5) bersama Inspektor Hilmi bin Ahmad (SP7) dan Detektif Koperal Magendran a/l S. Sagaram (SP8) dan empat orang anggota polis yang lain berlepas ke tempat kejadian di Jalan Besar, Bercham, Ipoh dan berkumpul di kawasan stesyen minyak Mobil. Kemudian mereka berpecah ke tiga tempat yang berlainan.

Pada jam lebih kurang 8.10 malam, sebuah motosikal No. AAJ 8190 di tunggang oleh tertuduh dan pemboncengnya Pelvinder Kaur a/p Karam Singh (SP9) iaitu isteri kepada tertuduh melintasi tempat yang ditunggu oleh SP5 dan motosikal tersebut berhenti di atas rumput di tepi jalan. SP5 dan anggota-anggota yang lain menghala ke tempat motosikal tersebut, mematikan enjin motosikal dan mengarahkan tertuduh dan SP9 turun dari motosikal tersebut dan tahan mereka. Setelah membuat pemeriksaan keatas motosikal dan didalam raga motosikal tersebut telah menjumpai satu plastik hitam (Eksibit P20) dan apabila dibuka dan diperiksa didapati satu ketulan mampat disyaki ganja. Setelah menjumpai ketulan mampat disyaki ganja, lelaki Sikh (tertuduh) digari oleh L/Kpl Zulkifli dan ketika itu berlaku pergelutan. Dalam masa yang sama SP9 juga telah ditangkap. Setelah selesai tangkapan dibuat, SP5 bersama dengan SP7 dan SP8 membawa kedua-dua tangkapan (tertuduh dan SP9) dalam sebuah kereta ke pejabat manakala lain-lain anggota balik dalam kenderaan masing-masing. Motosikal tersebut dibawa balik oleh seorang anggota pasukan serbuan iaitu Lans Koperal Hosni. Kemudian satu laporan polis (Eksibit P23) dibuat oleh SP5 dan SP5 serahkan barang kes dan kedua-dua tangkapan (tertuduh dan SP9) kepada Pegawai Penyiasat Ketua Inspektor Mohd Yusmen bin Mohd Yusuf, (SP10). SP5 juga telah keluarkan senarai bongkar (Eksibit P19) kepada kedua-dua tangkapan iaitu tertuduh dan SP9.

Dalam kes ini, terdapat keterangan bahawa SP9 ditangkap di tempat kejadian dan ditahan kerana beliau adalah seorang suspek dan SP9 juga dituduh di mahkamah majistret dan ditahan selama lapan bulan. Selanjutnya, Senarai Bongkar (eks. P19) juga dikeluarkan kepada kedua-dua tangkapan iaitu, tertuduh dan SP9. SP9 hanya dilepaskan apabila tertuduh dikomitkan ke Mahkamah Tinggi untuk dibicarakan.

Diatas keseluruhan kes, mahkamah ini mendapati bahawa:

(1) Anggapan statutori seperti di bawah s. 37(d), (g) dan (h) Akta Dadah Berbahaya 1952 tidak dapat dibangkitkan terhadap tertuduh diatas fakta dan keadaan kes ini dan ini juga diakui oleh Timbalan Pendakwa Raya (Lihat kes (1) *Syed Ali bin Syed Abdul Hamid dan Anor lwn. Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 132 di ms 133 (2) *Public Prosecutor lwn. Lechumanan* [2000] 4 CLJ 685 di ms 690, (3) *Tong Peng Hong lwn. Public Prosecutor* [1955] MLJ 232, (4) *Public Prosecutor lwn. Lin Lian Chen* [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ (Rep) 285 (5) *Public Prosecutor lwn. Chow Kam Meng* [2001] 7 CLJ 387 di ms 396, (6) *Public Prosecutor lwn. Tan Tuan Seng* [1993] 2 CLJ 557 di ms 560.

(2) tidak ada keterangan secara terus (direct evidence) mengenai milikan barang kes terhadap tertuduh.

(3) Keterangan ikut keadaan (circumstantial evidence) yang diharap oleh pendakwaan untuk membuktikan pertuduhan terhadap tertuduh tidak mencukupi untuk mengaitkan tertuduh dengan barang kes yang didapati daripada raga motosikal dari segi undang-undang. (Lihat kes-kes:

(1) *Kartar Singh & Anor v. Rex* [1952] MLJ 85 at p. 86.

(2) *Idris v. Public Prosecutor* [1960] MLJ 296.

(3) *Jubri v. Public Prosecutor* [1962] MLJ 34.

(4) *Chan Chween Kong v. Public Prosecutor* [1962] MLJ 307.

(5) *Kuran Singh v. Public Prosecutor* [1967] 2 MLJ 25.

(6) *Ng Hoong Kee v. Public Prosecutor* [1967] 1 MLJ 85.

(7) *Public Prosecutor v. Lai Pong Yuen & Ors* [1968] 1 MLJ 12.

(7A) *Chang Kim Siong v. Public Prosecutor* [1968] 1 MLJ 36.

(8) *Muniandy & Anor v. Public Prosecutor* [1973] 1 MLJ 179.

(9) *Kamis v. Public Prosecutor* [1975] 1 MLJ 46.

(10) *Dato' Mokhtar bin Hashim v. Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232.

(11) *Jayaraman & Ors v. Public Prosecutor* [1982] 2 MLJ 306.

(12) *Juraimi Husin v. Public Prosecutor; Mohd Affandi bin Abdul Rahman & Anor v. Public Prosecutor* [1998] 2 CLJ 383.

(13) *Chandanal & Anor v. State of Rajasthan* AIR [1976] SC 919.

(14) *Namasiyiam Rajindran, Goh Chin Peng, Ng Ah Kiat v. Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 336 at 344.

(15) *Gambhir v. State of Malarashtra* AIR [1982] SC 1159.

(16) *Ram Avtar v. The State (Delhi Administration)* AIR [1985] SC.

(17) *Surinder Pal Jain v. Delhi Administration* AIR [1993] SC 1723.

(18) *State of Harganav Ved Prakash* AIR [1994] SC 468.

(4) Tidak ada keterangan untuk mengaitkan tertuduh sebagai pemilik berdaftar motosikal kerana senarai butir motosikal tersebut (eks. P28) tidak mematuhi kehendak dibawah s. 90A, khususnya sub-sek 2 Akta Keterangan 1950. Oleh itu, senarai butir-butir motosikal tersebut yang ditandakan sebagai eksibit pendakwaan tidak diambil kira sebagai keterangan dan diketepikan (expunged) daripada rekod Mahkamah (Rujuk kes (1) *Gnanasegaran a/l Pararajasingam lwn. Public Prosecutor* [1997] 4 CLJ 6, (2) *Public Prosecutor lwn. Ong Cheng Heong* [1998] 4 CLJ 209, (3) *R. lwn. Shephard* [1993] 2 WLR 102 di ms 105, (4) *Schmidt Scientific Sdn Bhd v. Ong Han Suan* [1998] 1 CLJ 685 dan (5) *Public Prosecutor lwn. Hanafi bin Mat Hassan* [2003] 6 CLJ 459.

(5) Keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan melalui SP9 telah menghancurkan kes pendakwaan dan telah menimbulkan keraguan dalam peringkat kes pendakwaan, iaitu, sama ada barang kes itu dimiliki oleh tertuduh seperti pertuduhan atau seorang bernama Muthu yang meminjam motosikal tersebut pada awal pagi pada tarikh kejadian. Kemungkinan barang kes itu kepunyaan Muthu tidak dielakkan (eliminate) oleh pendakwaan (Rujuk kes *Abdullah Yaacob v. Public Prosecutor* [1991] 2 MLJ 237)

(6) Melalui SP9 pendakwaan telah kemukakan keterangan bahawa barang kes (eks. P20) bukanlah kepunyaan tertuduh dan seterusnya tidak dimiliki oleh tertuduh. Walaupun boleh dikatakan bahawa tertuduh adalah seorang yang kurang bertanggungjawab kerana tidak mengambil perhatian mengenai beg plastik (eks. P20) yang berada di raga motosikal sehingga panggilan telefon diterima oleh tertuduh, sikap itu bukanlah bermakna bahawa beg plastik itu dimiliki oleh tertuduh dan lebih-lebih lagi dan kemungkinan ia boleh dikatakan satu syak wasangka kecuali kemungkinan tertuduh mempunyai pengetahuan diatas barang kes yang berada dalam beg hitam itu di mana tidak ada keterangan yang mencukupi untuk membuat sebarang andaian tersebut (Rujuk kes *Public Prosecutor v. Govindan Kurup & 2 Ors* [1947] 13 MLJ 150 di ms 152 berkata:

> … in order to make possession of anything criminal there must be consciousness on the part of the accused that he is in possession of the prohibited article, unless it is explicitly stated that mere possession without knowledge is an offence.

(6A) Bagaimana pun, syak wasangka bukanlah keterangan. (Suspicion though is a ground for scrutiny of evidence it cannot be sustained as a foundation of judicial decision). (Rujuk kes (1) *Dato' Mokhtar bin Hashim v. Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232 di ms 269 (2) *Md lwn. Mandir* ILR 34 Allahbad 591.

(7) Walaupun keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan mungkin boleh menimbulkan satu syak wasangka tetapi keraguan manfaat harus dan masih diberi kepada tertuduh. (Rujuk kes (1) *Leow Nghe Lian v. Reg* [1956] MLJ 28 di ms 29, (2) *Public Prosecutor v. Kan Jot Huat* [1988] 2 MLJ 91 di ms 93 (3) *A. Jayaraman & Anor v. State of Andh Pradesh* AIR [1995] SC 2128 (4) *State of Kerala v. M.M. Mathew & Anor* AIR [1978] SC 1591 (where the evidence produced by the prosecution at best leads to strong suspicion, the benefit or doubt must still be accorded to the accused) (Rujuk kes (1) *Re Venketa Sukha* ILR 54 Mad 32 (2) *Barindra v. R* AIR [1952] SC 354 (3) *Macnagten lwn. Mahabir* ILR 9 Cal 656.

(8) Kedudukan keterangan SP9 sebagai isteri kepada tertuduh.

Dibawah s. 118 Akta Keterangan 1950, semua orang layak (kompeten) untuk memberi keterangan sekiranya (provided) mereka dapat memuaskan ujian (test) bahawa mereka faham soalan yang dikemukakan dan berada dalam kedudukan atau keadaan untuk memberi jawapan yang rational kepada soalan-soalan tersebut. (Rujuk kes *Ghouse bin Haji Kader Mustan*

v. R [1946] MLJ 36 di ms 37, *Chai Kor lwn. PP* [1965] 1 MLJ 208 FC, *Syed Abdul Aziz dan Seorang Lain lwn. Public Prosecutor* [1993] 3 SLR 534 dan *David Cook Imrie* 12 Cr. App. R. 282). Dalam prosiding jenayah seorang suami atau isteri (spouse) adalah seorang saksi kompeten terhadap mana-mana orang kecuali pasangan tersebut tidak boleh dipaksa (saksi paksaan) (shall not be a compellable witness) mengenai komunikasi diantara satu sama lain sepanjang perkahwinan kecuali dengan kebenaran. (Rujuk s. 120(2) dan 122 Akta Keterangan 1950, dan kes-kes *Ibrahim bin Awang Mat lwn. Ibrahim bin Dollah* [1988] 2 CLJ 188; [1988] 1 CLJ (Rep) 587, *Lim Lye Hock lwn. Public Prosecutor* [1995] 1 SLR 238 di ms 248, *Palldas a/l Arumugam lwn. Public Prosecutor* [1988] 1 CLJ 661; [1988] 2 CLJ (Rep) 95, *Gimbu bin Sangkaling lwn. R* [1958] SCR 114, *Public Prosecutor v. Abdul Majid* [1994] 3 MLJ 487. *R v. Lapworth* [1931] 1 KB 117.)

(8A) Oleh itu, mahkamah ini berpendapat bahawa keterangan SP9 adalah keterangan yang boleh diterima dari segi undang-undang mahupun beliau adalah isteri kepada tertuduh. Mahkamah ini juga berpendapat bahawa tidak ada sebarang halangan yang dipakai secara universal bahawa keterangan isteri kepada tertuduh tidak boleh diterima sebagai keterangan yang boleh diterima atau sebagai keterangan yang benar melainkan keterangan atau kredibiliti seseorang isteri atau suami dicabarkan atau didiskreditkan sehingga menimbulkan keraguan bahawa beliau tidak memberi keterangan yang benar dan sebaliknya memberi keterangan dengan tujuan atau apa saja untuk melepaskan pasangannya (spouse) iaitu, tertuduh dari pertuduhan dan ini pun hanya akan sentuh kepada berat (weight) yang boleh diberi kepada keterangan dan bukan kepada kebolehterimaan (admissibility). (Merely because SP9 is the wife of the accused by itself is not sufficient to mechanically discard or reject her evidence unless her evidence is shown to suffer from serious infirmities or is tainted raising considerable doubt) dimana ini bukanlah keadaan dalam kes ini. (Lihat (1) *Swaran Singh v. State of Punjab* AIR [1976] SC 2304, (2) *Gengadhar Behera v. State of Orisa* [2003] Cri. LJ 41 (SC), (3) AIR [1983] SC 839 (4) *Kiran Bahadur Singh v. Harikrishnan Mathur & Ors* AIR [1972] All 369 (5) *Dilwar v. Empror* AIR [1936] Lahore 233 (6) *Barati v. State of U.P.* AIR [1974] SC 839 (7) *State of Punjab v. Wasan Singh* [1981] Cr. LJ 410. In *Dalsigar v. State of U.P.* Cri. Appeal No. 2579 of (1979) as found in *Sarkar on Evidence.* The Division Bench of the Allahabad High Court said *(Sarkar on Evidence):*

> Thus the correct legal position is that the testimony of related witnesses or the witnesses who are otherwise interested cannot be equated with the testimony of a tainted witness. All that is required, by way of prudence and not by way of law, is that the testimony of such witness must be examined with little more care and caution. If on such scrutiny, it is found that there is a nugget of truth in their statements there will be no illegality in accepting their testimony. So far as relative witnesses are concerned, unless there are strong grounds to disbelieve their testimony, they are normally more natural and reliable witnesses as they would not like to spare the real assailants and involve need be drawn merely because of the failure of the posecution to examine independent witness. If on scrutiny of the statements of interested witnesses, with care and caution, they are found to be truthful, failure to examine independent witness will not be material at all.

(8B) Keterangan daripada saudara mara kepada tertuduh.

Mahkamah ini juga berpendapat bahawa keterangan daripada saudara mara tertuduh tidak semestinya dicemar (tainted) dan tidak boleh dikatakan dicemar (tainted) sekiranya keterangan itu boleh dipercayai (reliable) dimana seorang saudara kepada tertuduh adalah saksi yang kompeten dan beliau berada di tempat kejadian dan dapat tahu apa yang berlaku. Tidak ada sebarang anggapan dari segi undang-undang bahawa jika seorang saksi yang ada kepentingan sebagai seorang isteri atau suami semestinya dan seharusnya tidak dipercayai tetapi ini boleh dilakukan sekiranya ada keterangan yang bertentangan diatas keseluruhan keterangan atau saksi adalah seorang saksi belot (hostile) atau menentang (adverse) kerana tidak ada sebarang anggapan undang-undang seorang isteri kepada tertuduh yang menjadi saksi pendakwaan atau pembelaan tidak boleh dipercayai (there is certaintly no legal presumption that a spouse who is a witness or an interested witness should not be believed. He is entitled to credence until cogent reasons for disbelief can be advanced in the light of evidence to the contrary and the surrounding circustances. Dalam kes *Kiran Bahadur Singh v. Harikrishnan Mathur & Ors* AIR [1972] Allahabad 369 KB Asthana J said:

> … it is an error of law to reject the evidence of certain class of persons merely because they belonged to that class and accept the evidence of another set of witnesses merely because they belonged to another particular class.

(Rujuk kes *Balasingham v. Public Prosecutor* [1959] MLJ 193 di ms 194, *Liow Siow Long v. Public Prosecutor* [1970] 1 MLJ 40 di ms 41 and *Public Prosecutor v. Foong Chee Cheong* [1970] 1 MLJ 97 di ms 98, *Public Prosecutor v. The Cheng Poh* [1980] 1 MLJ 251 di ms 253).

(9) Dalam kes ini versi mengenai pinjaman motosikal oleh Muthu dan dikembalikan oleh Kumar pada tarikh kejadian dan beg plastik (eks. P20) didapati diraga motosikal tersebut pada masa Kumar kembalikan motosikal dikemukakan oleh pendakwaan di peringkat pemeriksaan utama SP9. Sebenarnya keterangan ini melalui saksi pendakwaan (SP9) memberi peluang kepada pembelaan untuk mendapat (elicit) keterangan yang lebih lanjut dan terperinci daripada SP9 dalam pemeriksaan balas. Keterangan yang didapati melalui pemeriksaan balas adalah tepat dan sah dari segi undang-undang (perfectly in order in law). Mahkamah ini berpendapat bahawa keterangan SP9 telah merosakkan kes pendakwaan dan menimbulkan keraguan terhadap pertuduhan iaitu, siapa yang sebenarnya mempunyai barang kes (eks. P20 dan kandungannya) seperti yang dikehendaki dari segi undang-undang terhadap milikan. Sebaliknya keterangan melalui SP9 dengan jelas menunjukkan bahawa tertuduh tidak boleh dilibatkan dengan barang kes yang didapati dalam raga motosikal tersebut.

(10) Dalam kes ini juga terdapat dua perkara yang penting, pertama, SP9 telah memberi keterangan bahawa beliau telah memberitahu kepada Pegawai Penyiasat (SP10) mengenai pinjaman motosikal tersebut tetapi mereka tidak mahu mempercayai beliau. Ini bermakna bahawa SP9 telah pada awal-awalnya telah memberitahu Pegawai Penyiasat mengenai keterangan yang beliau beri di mahkamah untuk perbicaraan dan keterangan beliau bukan satu cerita yang difikir semula (an afterthought) dan ini tidak dinafikan oleh SP10. Mahkamah juga mendapati bahawa tidak ada keterangan apakah agensi siasatan telah lakukan untuk mengesan Muthu atau Kumar dan tidak ada sebarang cabaran atau keterangan bahawa Muthu dan Kumar tidak wujud.

Kedua, sekiranya pendakwaan ingin mencabarkan kebolehan keterangan SP9, pendakwaan ada dua cara untuk berbuat demikian, pertama, sekiranya ada percanggahan yang material di antara percakapan SP9 yang diberi kepada agensi siasatan dan keterangan yang diberi di mahkamah, pendakwaan boleh memohon kepada mahkamah untuk mendapat kebenaran dibawah s. 155(c) Akta Keterangan 1950 supaya keterangan SP9 dapat mencabar kebolehannya dimana tidak dilakukan. Dalam keadaan seperti ini, ia boleh dikatakan percakapan SP9 yang diberi kepada SP10 dan keterangan diberi kepada mahkamah tidak ada sebarang

percanggahan atau versi yang berlainan. Oleh itu, keterangan SP9 adalah selamat untuk diterima dan boleh membantu mahkamah dan diambil kira bersama-sama dengan keterangan-keterangan lain untuk membuat keputusan sama ada pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh, kedua, pendakwaan juga ada peluang untuk menggunapakai dengan kebenaran mahkamah peruntukan dibawah s. 154 Akta Keterangan 1950 untuk memeriksa balas SP9 sekiranya didapati SP9 adalah seorang saksi belot (hostile) atau saksi penentang (adverse) tetapi ini tidak dilakukan oleh pendakwaan (Lihat kes *R lwn. Chua Eng Hong* [1937] MLJ Rep. 247 di ms 248, *Public Prosecutor v. Loh Keng Chor* [1967] 1 MLJ 97 di ms 98, *Re Wee Swee Hoon, deceased, Lim Ah Moy and Anor lwn. Ong Eng Say* [1953] MLJ 123, *Dahyabhai v. R.* [1964] All ER 1563 SC, *Muniandy and Anor v. Public Prosecutor* [1973] 1 MLJ 179 (FC), *PA Anselam lwn. Public Prosecutor* [1941] MLJ 157, *Amathayaramal v. The Official Assignee* High Court Madras [1933] 1 C 629 and *Public Prosecutor lwn. Tan Chye Joo and Anor* [1989] 2 MLJ 253 di ms 225, *R v. Thomas* [1985] Crim LR 445 *Prafulla v. R* 58 C 1404, *R v. Pestano & Ors* [1981] Crim. LR 399, *Yuen Chin Yii v. Public Prosecutor* [1997] 3 SCR 59 di ms 64, *R v. Golders* [1960] 1 WLR 1169, *S. Lourdenadin v. M Ratnarele* [1986] 1 CLJ 228; [1986] CLJ (Rep) 481 dan *R v. Pitt* [1982] 3 All ER 63).

(10A) Mahkamah ini berpendapat bahawa ujian yang boleh dibuat untuk menentukan sama ada seorang saksi adalah belot (hostile) atau unfavourable adalah seperti berikut:

Untuk menentukan 'hostile'

'The test is whether the "witness is deliberately withholding material evidence by reason of an unwillingness to tell the truth at the instance of the party calling her or him or for the advancement of justice. (Lihat *R. Hutchison* [1990] 53 SASR 589 at 592, *R v. Hayden and Slattery* [1959] VR 102, dan *Mc Rellan v. Bowyer* [1961] 106 CCR 95.)

'Unfavourable' means that the witness gives evidence that is "not favourable" to the party calling the witness. (Lihat *R v. Souleyman* [1996] 40 NSWLR 712 at 715)

(11) Pendakwaan juga tidak mengemukakan keterangan untuk mengelakan (eliminate) sama ada SP9 yang ditangkap bersama dengan tertuduh di tempat kejadian, di mana beliau telah dituduh di mahkamah majistret di atas pertuduhan dan kesalahan yang sama seperti terhadap tertuduh di mana SP9 ditahan selama lapan bulan dan kemudian dilepaskan dan digunapakai sebagai saksi pendakwaan, memiliki barang kes itu atau sama ada barang kes (eks. P20) kepunyaan SP9 melainkan mengemukakan keterangan melalui SP9 bahawa barang kes itu (eks. P20) adalah kepunyaan seorang bernama Muthu (the prosecution did not eliminate the possibility whether the offensive drugs which was found in the black plastic (eks. P20) could possibly belonged to SP9 and whether she herself had placed the plastic bag in the carrier of the motorcycle).

(12) There is no evidence that SP9 has resiled from her previous statement she had given to the Investigation Officer (SP10) or she was not speaking the truth or has exhibited any element of hostility or is an adverse witness. Merely giving unfavourable evidence for the prosecution is not sufficient to declare SP9 as an adverse witness or to discard her testimony and her testimony might be the truth although her testimony as a result has become destructive of the prosecution case.

(12A) Mahkamah juga telah mengambil kira bahawa pendakwaan memang mempunyai budi bicara mana satu saksi dipanggil dan berapa orang saksi untuk membuktikan atau menyokong kes pendakwaan tetapi apabila pendakwaan telah menggunakan budi bicara untuk memanggil seorang saksi untuk memberi keterangan pendakwaan tidak boleh mengundur dan berhujah kepada mahkamah untuk tidak menerima keterangan saksi tersebut kerana ia tidak membantu kes pendakwaan. Dalam kes ini, mahkamah ini mendapati bahawa keterangan yang SP9 beritahu bagaimana beg plastik hitam itu didapati dalam raga motosikal tersebut tidak dapat ditolak. Di sini, mahkamah ini ingin merujuk kepada dua kes, *Khoon Chye Hin v. Public Prosecutor* [1961] MLJ 105 dan *Seneviratne v. R* [1936] 3 All ER 36.

Dalam kes *Khoon Chye Hin v. Public Prosecutor*, Thomas CJ berkata:

> It is, of course, well settled that in a criminal case prosecuting counsel, provided there is no wrong motive, has discretion as to whether or not to call any particular witness and in particular has a discretion not to call in support of his case a witness whom he does not believe to be a witness of truth.

Dalam kes *Seneviratne v. R.* di ms 48 Lord Roche berkata:

> Their Lordships do not desire to lay down any rules to fetter discretion on a matter such as this which is so dependent on the particular circumstances of each case. Still less do they desire to discourage the utmost candour and fairness on the part of those conducting prosecutions; but at the same time they cannot, speaking generally, approve of an idea that a prosecution must call witnesses irrespective of considerations of number and of reliability, or that a prosecution ought to discharge the punctions both of prosecution and defence. If it does so confusion is very apt to result, and never is it more likely to result than if the prosecution calls witnesses and then proceeds almost automatically to discredit them by cross-examination.

(12B) Dalam keadaan ini dan diatas keseluruhan keterangan dan selepas meneliti cara SP9 memberi keterangan, mahkamah ini mendapati bahawa keterangan SP9 boleh diterima dan telah menimbulkan keraguan yang material diatas pertuduhan terhadap tertuduh, dimana mahkamah ini mendapati tertuduh bukanlah orang yang memiliki barang kes (eks. P20). Sebenarnya pendakwaan telah mengemukakan atau menimbulkan satu keadaan paradoksikal (paradoxical) kepada mahkamah dimana pertuduhan adalah mengandungi tohmahan terhadap tertuduh bahawa tertuduh yang memiliki barang kes dan ini adalah sama seperti dikatakan dipembukaan kes pendakwaan. Sebaliknya dan pada masa yang sama pendakwaan telah mengemukakan keterangan bahawa barang kes (eks. 20) bukanlah kepunyaan tertuduh tetapi kepunyaan Muthu (the prosecution has presented to this court with a 'paradoxical situation' by introducing the possible defence of the accused that the offensive drugs recovered from the carrier of the said motorcycle belongs to another person named Muthu and this was confirmed by the prosecution witness SP9). Di sini, mahkamah ingin menyatakan bahawa pendakwaan memanggil SP9 sebagai saksi mungkin kerana pendakwaan yakin SP9 adalah seorang saksi yang benar dan mahkamah ini juga mendapati bahawa SP9 adalah seorang saksi yang benar.

(13) Oleh itu, mahkamah ini berpendapat bahawa satu keraguan telah ditimbulkan oleh pendakwaan sendiri bahawa tertuduh tidak memiliki barang kes (eks. P20) dan diatas alasan itu sahaja keraguan manfaat harus diberi kepada tertuduh. (Rujuk kes *Leow Nghe Lian v. R* [1956] MLJ 28 di ms 29.)

(14) Keadaan kotak (eks. P1) yang dilihat dikoyak dan dikatakan dilakukan oleh anai-anai adalah satu perkara yang berlaku selepas kandungan beg plastik (eks. P20) diperiksa dan diuji oleh Ahli Kimia (SP4) dan setelah laporan kimia dikeluarkan. Oleh itu, Mahkamah ini dengan segala hormatnya berpendapat dan bersetuju dengan hujah-hujah Timbalan Pendakwa Raya bahawa kerosakan kotak itu (eks. P1) tidak menjejaskan kes pendakwaan atau membawa sebarang makna (significance) untuk mempengaruhi keputusan di atas pertuduhan dan terhadap tertuduh dan fakta itu tidak membawa sebarang keraguan sama ada pada kes pendakwaan atau pergerakan talian exhibit. Oleh yang demikian, mahkamah ini berpendapat bahawa koyakan kotak tersebut tidak merosakkan kes pendakwaan atau pertuduhan (does not affect the charge) diatas fakta-fakta dan keadaan kes ini.

(15) Walau bagaimanapun, mahkamah ini juga mendapati bahawa tidak ada sebarang dokumen atau keterangan yang boleh mengaitkan atau membabitkan iaitu (incriminating) terhadap tertuduh dengan beg plastik (eks. P20) yang didapati daripada raga motosikal. (In other words, there is no nexus to link the accused with the plastic bag (eks. P20). Seterusnya keterangan SP5 dengan jelas menunjukkan bahawa beliau hanya lihat kandungan dalam beg plastik itu apabila dibuka dan diperiksa dimana didapati berisi satu ketulan mampat disyaki ganja. SP5 juga mengaku bahawa pada mula-mula beliau lihat beg plastik (eks. P20) dalam raga motosikal, beliau (SP5) tidak tahu apakah kandungannya dan beliau hanya mendapati ianya berisi satu ketulan mampat disyaki ganja selepas plastik hitam dibuka dan membuat pemeriksaan. Mahkamah ini berpendapat bahawa keterangan ini daripada SP5 telah mengetepikan atau elakkan (eliminated) bahawa tertuduh mungkin mempunyai pengetahuan mengenai kandungan dalam plastik hitam (eks. P20) pendek kata, tertuduh tidak boleh mempunyai pengetahuan mengenai kandungan dalam plastik hitam (eks. P20). Oleh kerana SP5 tidak tahu apakah kandungan dalam P20 dan beliau hanya mendapati ianya berisi satu ketulan mampat disyaki ganja selepas plastik hitam dibuka dan membuat pemeriksaan, maka tertuduh juga tidak boleh dikatakan mempunyai pengetahuan mengenai kandungan dalam plastik hitam (eks. P20) di mana itu adalah hanya satu unsur atau intipati pertuduhan.

(15A) Tambahan pula SP9 sendiri mengatakan dalam pemeriksaan semula bahawa "suami saya tidak melihat beg plastik yang berada dalam raga motosikal" … "saya menyatakan beg plastik hitam itu bukan kepunyaan suami saya kerana apabila pada pagi Muthu telah meminjam motosikal tersebut tidak ada pada masa itu apa-apa di dalam raga motosikal, tetapi apabila motosikal dikembalikan saya melihat ada sebuah plastik hitam di dalam raga motosikal".

(16) Isu dimana motosikal telah hilang dalam kawalan dan milikan polis dan tidak dikemukakan sebagai keterangan (exhibit) dalam kes ini, mahkamah ini berpendapat bahawa agensi siasatan harus mengambil langkah langkah yang munasabah untuk menyiasat bagaimana motosikal yang berada dalam kawalan polis boleh hilang dan ini adalah satu sikap yang tidak bertanggungjawab kepada kehilangan motosikal itu. Walau bagaimanapun dan oleh sebab barang kes (eks. P20) didapati daripada raga motosikal No. AAJ 8190, motosikal itu seharusnya dikemukakan sebagai keterangan (exhibit) dan bukan biarkan begitu sahaja. Walau bagaimanapun, kegagalan untuk mengemukakan motosikal itu dalam perbicaraan ini dan diatas fakta dan keadaan kes ini tidak memprejudiskan kes pendakwaan ataupun boleh membangkitkan inferensi pertentangan terhadap pendakwaan kerana pembelaan tidak menafikan atau mencabarkan bahawa barang kes (eks. P20) tidak dirampas daripada raga motosikal No. AAJ 8190. Oleh itu, mahkamah ini tidak membangkitkan inferensi bertentangan (adverse inference) di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap pendakwaan.

(17) In order to justify an inference of guilt based on circumstantial evidence, it is trite the incriminating facts produced by the prosecution must be incompatible with the innocence of the accused and incapable of explanation upon any other reasonable hypothesis than the guilt of the accused.

(17A) Dalam kes ini, mahkamah ini telah meneliti setiap situasi ikut keadaan yang material di mana boleh membantu mahkamah untuk membuat keputusan tetapi mahkamah ini berpendapat bahawa keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan tidak mencukupi untuk membuat sebarang inferen terhadap tertuduh. Sama ada sesuatu ikut keadaan yang material wujud atau tidak adalah berdasarkan kepada keterangan dan dalam sesetiap kes ini adalah satu soalan fakta. (Every circumstance is material which would influence the judgment and whether a particular circumstance is material or not is in each case, a question of fact).

Atas keseluruhan keterangan, mahkamah ini berpendapat bahawa agensi serbuan atau pasukan serbuan telah bertindak secepat mungkin atau sebegitu pantas (too quick to arrest) untuk tangkap tertuduh dan SP9 dan sepatutnya menunggu lebih lama dan membuat perhatian apakah penunggang (tertuduh) atau pembonceng motosikal (SP9) akan buat terhadap plastik hitam yang berada didalam raga motosikal. (Should have waited to see what the rider and the pillion of the motorcycle were intending to do with the black plastic which was in the carrier of the said motorcycle before proceeding to arrest them in a rush. The raiding

party or team on receiving information of trafficking in dangerous drugs has displayed a great energy in using all their available team of police personal but regrettably mismanaged it and acted too quick to arrest the accused without patiently waiting to see his next move or step or making any observation when the accused arrived at the scene of incident in relation to the black plastic which was found in the carrier of the said motorcycle.)

Di atas dan berdasarkan keseluruhan keterangan, mahkamah ini mendapati bahawa pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh seperti pertuduhan atau sebarang kesalahan jenayah. Oleh itu, tertuduh dilepas dan dibebaskan tanpa memerintah untuk membela diri.